# Jangan bergantung harap kepada parti luar

## Rakyat tidak boleh bergantung kepada parti yang kepimpinannya kurang beri tumpuan terhadap kehendak Sarawak

Oleh Steve Annuar

**MIRI: Sokongan kuat rakyat terhadap Gabungan Parti Sarawak (GPS) menjamin keperluan pembangunan negeri ini diberi perhatian sepenuhnya.**

Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan berkata, rakyat tidak boleh bergantung harap kepada parti-parti luar yang kepimpinannya kurang memberi tumpuan terhadap kehendak negeri ini.

"Berapa banyak perhatian diberi kepada kita. Dari segi perancangan pembangunan, peruntukan untuk pembangunan sampai sikit-sikit pun bantuan kebajikan sudah banyak dipotong tanpa alasan sedangkan mereka masih memerlukan," katanya pada Majlis Melanggar Meja dan Ramah-Tamah Hari Raya Aidilfitri di Bekenu malam kelmarin.

Menteri Perindustrian dan Pembangunan Keusahawanan itu berkata, rakyat harus yakin dengan keupayaan GPS menerajui negeri ini termasuk mengembalikan semula hak-hak terhakis dalam Perlembagaan Malaysia dan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

"Yakinlah bahawa kita pastikan negeri Sarawak selamat, terus membangun, rakyat dapat meningkatkan kesejahteraan hidup, kita tidak ada pilihan melainkan memberi sokongan kepada Ketua Menteri dan kerajaan GPS," jelasnya.

> "Berapa banyak perhatian diberi kepada kita. Dari segi perancangan pembangunan, peruntukan untuk pembangunan sampai sikit-sikit pun bantuan kebajikan sudah banyak dipotong tanpa alasan sedangkan mereka masih memerlukan."
>
> Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan
> *Timbalan Ketua Menteri*

Sehubungan itu, Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli Kedua itu berkata, GPS yang dipimpin anak tempatan mampu menentukan arah tuju dan masa depan negeri ini.

Dengan polisi mengutamakan rakyat, GPS memperjuang kebebasan beragama dan amalan budaya rakyat pelbagai kaum di sini dalam usaha memperkasa perpaduan dan mewujudkan keharmonian.

"Kita tidak menghalang dari segi kebebasan beragama, kita tidak menghalang dari segi kebebasan mengamalkan budaya dan adat resam, malah Kerajaan Sarawak membantu supaya dapat disuburkan dan inilah perjuangan GPS," katanya.

Di Sarawak, tidak ada satu kaum boleh memerintah secara sendiri melainkan bekerjasama antara satu sama lain.

"Inilah dibawa dalam arena politik GPS. Kita mahu kumpulan majoriti dan minoriti bersama dan cuma dapat menjadi majoriti dengan bekerjasama antara satu sama lain dan ini harus dipertahankan," ujarnya.

GPS turut memastikan kemudahan infrastruktur rakyat dibangunkan, menambah kemahiran dan pendidikan, membangun bidang



**RASMI:** Awang Tengah memotong ketupat simbolik perasmian majlis melanggar meja di Bekenu malam kelmarin, sambil disaksikan Lukanisman (tiga kiri) dan tetamu lain.

perindustrian, menggalakkan pelaburan serta meningkatkan penyertaan rakyat dalam ekonomi digital.

"Dalam mengejar kemajuan ekonomi, rakyat digesa terus bekerjasama dan bersatu padu demi kestabilan dan keselamatan," katanya.

Sehubungan itu, Awang Tengah kagum dengan usaha penganjur menghimpunkan 46 kampung dengan setiap satunya mendirikan gerai juadah untuk hidangan tetamu.

Katanya, tradisi melanggar meja pada Hari Raya Aidilfitri harus dikekalkan dan antara keistimewaan budaya rakyat Sarawak.

"Siapa pun kita dan di manapun kita berada di bandar, di kampung, pekan atau rumah panjang, semangat gotong-royong, bersatu sentiasa relevan, jika kita mahu melihat negeri kita stabil dan pembangunan berterusan," jelasnya.

Hadir sama Ahli Parlimen Sibuti Lukanisman Awang Sauni dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lambir Ripin Lamat.